



**TERMS AND CONDITIONS**  
**“RHB Premier Go Savvy Campaign”**

1. The RHB Bank Berhad (Registration No. 196501000373 (6171-M)) and RHB Islamic Bank Berhad (Registration No. 200501003283 (680329-V)) will be collectively referred to as “RHB”.

**CAMPAIGN PERIOD**

2. The “RHB Premier Go Savvy Campaign”(“Campaign”) shall run from **2 January 2020** till **31 August 2020**, comprising the following periods:-

Campaign Month	Campaign Dates
1	2 Jan 2020 – 31 January 2020
2	1 February 2020 – 29 February 2020
3	1 March 2020 – 31 March 2020
4	1 April 2020 –30 April 2020
5	1 May 2020 – 31 May 2020
6	1 June 2020 – 30 June 2020
7	1 July 2020 – 31 July 2020
8	1 August 2020 – 31 August 2020

(Collectively, the “Campaign Period”)

**ELIGIBILITY**

3. The Campaign is open to the all-New RHB Premier Customers (“New-To-Premier”) and all existing RHB Premier Customers (“Existing-To-Premier”) as defined in <https://www.rhbgroup.com/overview/premier/index.html> and all existing RHB Premier Customers (“Existing-To-Premier”) as defined in RHB’s system (Collectively, referred to as (“Eligible Participant(s)”).

4. The following individuals/entities shall not be eligible to participate in the Campaign:-
- a. Individuals below the age of eighteen (18) years old;
  - b. Permanent and/or contract employees of RHB Banking Group and their respective immediate family members (parents, spouse, children and siblings); or
  - c. Representatives and/or agents (including advertising agents, and Campaign management agents) who are directly involved in this Campaign; or
  - d. Commercial, corporate, sole proprietorships, partnerships, charitable/non-profit organizations, societies, schools and companies; or
  - e. Investment transaction(s) that participated in any other investment campaigns shall not be entitled for this campaign unless stated otherwise.



## CAMPAIGN MECHANICS

5. The Eligible Participant(s) is required to meet the Campaign criteria stated in Clause 6 during the Campaign Period (“Qualifying Criteria”) to stand a chance to win Apple Watch Series 5 or iPhone 11, collectively referred as (“Campaign Prize(s)”) as appended in below table:

**Table 1**

Minimum Investment Amount	Campaign Prize
RM300,000 – RM999,999.99	Apple Watch Series 5 with Sport Band GPS
RM1 million – RM1,299,999.99	iPhone 11 Pro 64GB
RM1.3 million & above	Apple Watch Series 5 with Sport Band GPS and iPhone 11 Pro 64GB

6. To qualify for the Campaign Prize(s), the Eligible Participant(s) is required to invest minimum of RM300,000 in Unit Trust exclude close-ended funds or Structured Investment Auto Callable launched by RHB Bank Berhad only, collectively referred as (“Selected Investment Products”) in multiple transaction on the same day, exclude customer from Clause 4 and EPF investment.
7. The investment amount for this Campaign must be from new funds and performed over-the-counter at RHB Branch. New funds are defined as funds that are not transferred from existing RHB Current/Savings Account/-i.
8. The participated investment transaction with minimum sales charge during the Campaign Period as below:

Selected Investment Product	Criteria
Unit Trust	Minimum 3% sales charge
Structured Investment Auto Callable*	Not applicable

Note: Transactions will not be eligible for the campaign in the event that transaction(s) failed to transact for any reason, and/or customer exercise his or her cooling off rights.

\*Launched by RHB Bank Berhad only

9. Each Eligible Participant(s) is eligible to win maximum one (1) unit of Apple Watch Series 5 and maximum one (1) unit of iPhone 11 Pro throughout the Campaign Period.
10. There are a maximum of one hundred and seventy five (175) unit of Apple Watch Series and forty (40) unit of iPhone 11 Pro 64GB to be given out throughout the Campaign Period based on a first come first served basis.

	Campaign Capping from 2 January 2020- 31 May 2020	Revised Campaign Capping effective 1 June 2020
<b>Apple Watch Series</b>	200 Units	175 Units
<b>iPhone 11 Pro 64GB</b>	30 Units	40 Units

11. The Participant’s investment account for Selected Investment Product(s) must be valid and active as determined by RHB at its discretion, to be eligible for participation during and after the Campaign Period and/or for winning of the Campaign Prize. If, at any time during the Campaign Period or during Campaign Fulfilment, the Participant closes their RHB Premier Current Account/-i and/or Investment Account for Selected Investment product(s) for any reason whatsoever, his/her participation in the Campaign becomes null and void with immediate effect. In the event of customer has exercise his or her cooling off rights or the investment transaction debiting failed, the Campaign Prize will not be given.
12. The Campaign Prize(s) will be rewarded to Eligible Participant(s) who is the Primary account holder for RHB Premier.



## PRIZE FULFILLMENT CONDITIONS

13. The Campaign Prize(s) will be delivered to the registered mailing address as per maintained with RHB system within eight (8) to twelve (12) weeks after every Campaign month.
14. RHB reserve the right to substitute the Prize with other item of similar value at any time on RHB website and/or other means of communication that may be deemed appropriate by RHB.
15. RHB gives no representation or warranty on any goods or services in connection with the Campaign Prize(s). For any dispute concerning the quality of goods or services received upon the handover of the Campaign Prize(s), winners are encouraged to liaise directly with the relevant supplier or service provider.

## GENERAL TERMS AND CONDITIONS

16. By participating in the Campaign, the Eligible Participant(s):
  - a. Agrees to be bound by the Terms and Conditions of the Campaign;
  - b. Agrees to access RHB's Website to view the Terms and Conditions and undertakes to be kept up-to-date on any change or variation to the Terms and Conditions;
  - c. Agrees that the Campaign Prize(s) featured in all printed materials and/or RHB's Website are for illustration purposes only. Any props, accessories or equipment featured with the Campaign Prize(s) in any pictorial materials are for decorative purposes and shall not form part of the Campaign Prize(s);
  - d. Agrees that RHB shall not be liable in any circumstances for any loss, defacement, tear, and damage, expired or stolen Campaign Prize(s) upon the handover of the Campaign Prize(s). In this instance, any request for replacement of such loss, defaced, torn, damaged, expired or stolen Campaign Prize(s) shall not be entertained by RHB. For further clarification, please refer to RHB Contact Details provided in clause 16(m);
  - e. Agrees that the Campaign Prize(s) are non-transferable to any third (3<sup>rd</sup>) party and non-exchangeable for up-front cash, credit, cheque or in kind; in part or in full;
  - f. Agrees that RHB's decision on all matters relating to the Campaign, the Campaign Prize(s) shall be final, conclusive and binding against them. The decision is made based on the Campaign mechanics. If there is any further dispute, please refer to RHB Contact Centre provided in clause 16(m) below or the Ombudsman for Financial Services (OFS).
  - g. Agrees to be personally liable for all taxes, government fees or any other charges that may be levied against them under the applicable laws, if any, in relation to accepting the Campaign Prize(s);
  - h. Agrees to discontinue any further participation in this Campaign by informing RHB if any future modifications of these Terms and Conditions are unacceptable.
  - i. Agrees that by providing the personal information, the Eligible Participant(s) consents to RHB processing their personal information for any and/or all of the following purposes ("**Purpose**"), if applicable:
    - (a) administering this contest and contacting the Eligible Participant(s) in relation to the same;
    - (b) cross-selling, marketing and promotions of products and/or services of RHB Banking Group and its strategic alliances; or
    - (c) other related and legitimate business purposes;
  - j. Agrees that the Eligible Participant(s) personal information may be disclosed to other companies within the RHB Banking Group (which shall include its holding company, subsidiary(s), and any associated company(s), including any company as a result of any restructuring, merger, sale or acquisition), service providers, and vendors and any of their respective agents, servants and/or such persons, whether located within or outside Malaysia for the Purpose, if applicable, subject at all times to any laws (including regulations, standards, guidelines and/or obligations) applicable to RHB.



- k. Agrees that it is necessary for RHB to process the Eligible Participant(s) personal information for the Purpose, without which the Eligible Participant(s) will not be able to participate in this Campaign. The Eligible Participant(s) may exercise their options in respect of receiving marketing materials (including cross-selling, marketing and promotions as described above) by contacting us through RHB Contact Details as provided in clause 16(m) below.
- l. Agrees that photographs/images of the Eligible Participant(s) as winner may be captured and may be used for RHB's publications, where applicable.
- m. The Eligible Participant(s) may request for correction (if their personal information is inaccurate, outdated, incomplete, etc.), access to (no fees and charges will be imposed for the mode of access except for the fees and charges specified in the terms and conditions of RHB Premier Current Account/-i and/or Investment Account of selected Investment Product(s)), or deletion (if the Eligible Participant(s) no longer have any existing products/services with RHB Banking Group) of the Participant personal information or limit the processing thereof at any time hereafter by submitting such request via the following RHB Contact Details:

**RHB Contact Details**

**Email:** customer.service@rhbgroup.com

**Telephone number:** 03-92061188

**Facsimile number:** 03-92068088

**RHB Now Inbox:** <https://logon.rhb.com.my/>

- 17. RHB reserves its right to:
  - a. Disqualify any and all entries from any the Eligible Participant(s) in this Campaign and prohibit that person from further participating in this Campaign in the event that there is suspicion that the Eligible Participant(s) tampered with or benefited from the tampering of the regulations of this Campaign or the Terms and Conditions stated herein;
  - b. Cancel, terminate or suspend the Campaign with sufficient prior notice. Any cancellation, termination or suspension of the Campaign by RHB shall not entitle the Eligible Participant(s) to any claim or compensation against RHB for any loss or damage incurred by the Eligible Participant(s) as a direct and indirect result of such cancellation, termination or suspension;
  - c. Change the Campaign Prize(s) at its discretion to another Campaign Prize(s) of similar value as per the Terms and Conditions of this Campaign;
  - d. Add, delete, suspend or vary the Terms and Conditions contained herein, either wholly or in part at its absolute discretion by way of posting on RHB website and/or other means of communication that may be deemed appropriate by RHB with sufficient prior notice;
- 18. RHB shall not be liable for any default in respect of the Campaign due any act of God, war (whether declared or undeclared), strike, riot, civil commotion, and act of terrorists which are not attributable to the act, omission, default, negligence and/or misconduct on the part of RHB and/or any of its employees, representatives and agents.
- 19. In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and any other brochure, marketing or promotional materials relating to the Campaign, these Terms and Conditions shall prevail.

## TERMA DAN SYARAT "Kempen Go Savvy RHB Premier "

1. The RHB Bank Berhad (No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)) dan RHB Islamic Bank Berhad No. Pendaftaran 200501003283 (680329-V) secara bersama akan dirujuk sebagai "RHB".

### TEMPOH KEMPEN

2. Kempen "Go Savvy RHB Premier" ("Kempen") akan berlangsung dari **2 Januari 2020** hingga **31 Ogos 2020**, merangkumi tempoh yang berikut :-

Bulan Kempen	Tarikh Kempen
1	2 Januari 2020 – 31 Januari 2020
2	1 Februari 2020 – 29 Februari 2020
3	1 Mac 2020 – 31 Mac 2020
4	1 April 2020 – 30 April 2020
5	1 Mei 2020 – 31 Mei 2020
6	1 Jun 2020 – 30 Jun 2020
7	1 Julai 2020 – 31 Julai 2020
8	1 Ogos 2020 – 31 Ogos 2020

(Secara bersama, disebut "Tempoh Kempen")

### KELAYAKAN

3. Kempen ini terbuka kepada semua Pelanggan Baharu RHB Premier (Baharu dengan Premier) dan semua pelanggan sedia RHB Premier (sedia ada dengan Premier) sebagaimana yang ditakrifkan dalam <https://www.rhbgroup.com/overview/premier/index.html> dan semua pelanggan Premier RHB yang sedia ada sebagaimana yang ditakrifkan dalam sistem RHB (secara bersama dirujuk sebagai "Peserta yang Layak").
4. Individu yang berikut tidak layak menyertai Kempen ini:-
  - a. Individu yang berumur kurang dari lapan belas (18) tahun;
  - b. Kakitangan tetap dan/atau kontrak RHB Banking Group dan ahli keluarga terdekat mereka masing-masing (ibu bapa, pasangan, anak dan adik-beradik); atau
  - c. Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen pengiklanan, dan ejen pengurusan Kempen) yang terlibat secara langsung dengan Kempen ini; atau
  - d. Badan komersial, korporat, pemilikan tunggal, perkongsian, organisasi amal/bukan untung, pertubuhan, sekolah dan syarikat; atau
  - e. Urus niaga pelaburan yang turut serta dalam mana-mana Kempen pelaburan lain tidak layak menyertai Kempen ini melainkan dinyatakan sebaliknya.

### PELAKSANAAN KEMPEN

5. Peserta yang Layak dikehendaki memenuhi kriteria Kempen sebagaimana yang dinyatakan dalam Klausa 6 sepanjang Tempoh Kempen ("Kriteria Kelayakan") bagi berpeluang memenangi Jam Tangan Apple Siri 5 atau iPhone 11, secara bersama dirujuk sebagai ("Hadiah Kempen"), sebagaimana yang diberikan di dalam jadual yang berikut:

### Jadual 1

Jumlah Pelaburan Minimum	Hadiah Kempen
RM300,000 – RM999,999.99	Jam Tangan Apple Siri 5 dengan GPS Band Sukan
RM1 juta – RM1,299,999.99	iPhone 11 Pro 64GB
RM1.3 juta & lebih	Jam Tangan Apple Siri 5 dengan GPS Band Sukan dan iPhone 11 Pro 64GB

- Untuk layak mendapat Hadiah Kempen, Peserta yang Layak dikehendaki melabur jumlah minimum sebanyak RM300,000 dalam Unit Amanah tidak termasuk dalam dana tertutup atau Structured Investment Auto Callable oleh RHB Bank Berhad sahaja, yang secara bersama dirujuk sebagai (“Produk Pelaburan Terpilih”), dalam berbilang urus niaga pada hari yang sama, tidak termasuk pelanggan daripada Klausula 4 dan pelaburan KWSP.
- Jumlah pelaburan bagi Kempen ini mestilah daripada dana baharu dan dilaksanakan di kaunter di RHB Bank. Dana baharu ditakrifkan sebagai dana yang bukan dipindahkan daripada Akaun Semasa/Simpanan/-i RHB Bank/ RHB Islamic Bank sedia ada.
- Urus niaga pelaburan yang turut serta dengan caj jualan minimum semasa Tempoh Kempen adalah seperti yang berikut:

Produk Pelaburan Terpilih	Kriteria
Unit Amanah	Minimum 3% caj jualan
Structured Investment Auto Callable*	Tidak berkenaan

Catatan: Urus niaga adalah tidak layak bagi menyertai Kempen sekiranya gagal melaksanakan urus niaga atas apa-apa sebab sekalipun, dan/atau pelanggan melaksanakan hak untuk bertenang.

\*Oleh RHB Bank Berhad Sahaja.

- Setiap Peserta yang Layak adalah layak untuk memenangi satu (1) unit maksimum Jam Tangan Apple Siri 5 dan satu (1) unit maksimum iPhone 11 Pro sepanjang Tempoh Kempen.
- Terdapat sejumlah maksimum seratus tujuh puluh lima (175) unit Jam Tangan Apple Siri 5 dan sejumlah maksimum empat puluh (40) unit iPhone 11 Pro 64GB yang akan diberikan sepanjang Tempoh Kempen berasaskan Peserta yang lebih dahulu memenuhi syarat Kempen akan mendapat Hadiah Kempen tersebut.

	Unit Hadiah Kempen dihadkan dari 2 Januari 2020- 31 Mei 2020	Perubahan Unit Hadiah Kempen dihadkan dari 1 Jun 2020
<b>Apple Watch Series</b>	200 Unit	175 Unit
<b>iPhone 11 Pro 64GB</b>	30 Unit	40 Unit

- Akaun pelaburan Peserta bagi Produk Pelaburan Terpilih mesti sah dan aktif sebagaimana yang ditentukan oleh RHB menurut budi bicaranya, untuk layak menyertai Kempen semasa dan selepas Tempoh Kempen dan/atau untuk memenangi Hadiah Kempen. Jika, pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen atau semasa Pemenuhan syarat Kempen, Peserta menutup Akaun-i Semasa RHB Premier dan/atau Akaun Pelaburan bagi Produk Pelaburan terpilih atas apa-apa sebab sekalipun, penyertaannya dalam Kempen menjadi terbatal dan tidak sah dengan serta-merta. Sekiranya pelanggan melaksanakan haknya untuk bertenang atau debit bagi urus niaga pelaburan gagal dilaksanakan, Hadiah Kempen tidak akan diberikan.
- Hadiah Kempen akan diberikan kepada Peserta yang Layak yang merupakan pemegang akaun Utama bagi RHB Premier.

## PEMENUHAN SYARAT MENDAPAT HADIAH

13. Hadiah Kempen akan dihantar ke alamat penghantaran yang didaftarkan sebagaimana yang terdapat dalam sistem RHB dalam masa lapan (8) hingga dua belas (12) minggu selepas setiap bulan Kempen.
14. RHB berhak menggantikan Hadiah dengan bahan lain yang sama nilainya pada bila-bila masa dengan memberikan notis melalui laman sesawang RHB dan/atau dengan cara komunikasi yang lain yang dianggap sesuai oleh RHB.
15. RHB bukan representasi atau tidak memberikan waranti ke atas apa-apa barangan atau perkhidmatan berkaitan dengan Hadiah Kempen. Bagi apa-apa pertikaian berkaitan dengan kualiti barangan dan perkhidmatan yang diterima semasa penyerahan Hadiah Kempen, pemenang digalakkan berurusan terus dengan pembekal atau penyedia perkhidmatan yang berkaitan.

## TERMA DAN SYARAT UMUM

16. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta yang Layak:
  - a. Bersetuju terikat dengan Terma & Syarat Kempen ini;
  - b. Bersetuju untuk mengakses Laman Sesawang RHB untuk membaca Terma dan Syarat dan mengaku janji untuk menerima pemakluman akan apa-apa perubahan atau pengubahan terhadap Terma dan Syarat;
  - c. Bersetuju bahawa Hadiah Kempen yang ditunjukkan dalam semua bahan bercetak dan/atau Laman Sesawang RHB adalah untuk tujuan gambaran sahaja. Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang ditunjukkan dengan Hadiah Kempen dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan tidak akan menjadi sebahagian daripada Hadiah Kempen;
  - d. Bersetuju bahawa RHB tidak akan dipertanggungjawabkan dalam apa-apa keadaan sekalipun bagi Hadiah Kempen yang hilang, cacat, koyak dan rosak, tamat tempoh atau dicuri selepas diberikan. Dalam keadaan ini, apa-apa permohonan untuk menggantikan kehilangan, kecacatan, keoyakan, kerosakan, tamat tempoh atau kecurian Hadiah Kempen tidak akan dilayan oleh RHB. Bagi penjelasan lanjut, sila rujuk Butir Perhubungan RHB yang diberikan dalam Klausula 16(m);
  - e. Bersetuju bahawa Hadiah Kempen tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ke-3, dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, cek atau yang seumpamanya, sebahagiannya atau sepenuhnya.
  - f. Bersetuju bahawa Keputusan RHB atas semua perkara berkaitan dengan Kempen ini dan Hadiah Kempen adalah muktamad, mutakhir dan mengikat terhadap mereka. Keputusan ini dibuat berdasarkan tatacara pelaksanaan Kempen. Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian selanjutnya, sila rujuk Pusat Perhubungan RHB yang diberikan dalam klausula 16(m) di bawah atau Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)
  - g. Bersetuju untuk bertanggungjawab sendiri terhadap semua cukai, fi kerajaan, atau apa-apa caj lain yang boleh dilevikan terhadap mereka di bawah undang-undang terpakai, jika ada, berkaitan penerimaan Hadiah Kempen.
  - h. Bersetuju untuk tidak meneruskan apa-apa penyertaan selanjutnya dalam Kempen ini dengan memberitahu RHB sekiranya apa-apa ubah suaian selanjutnya ke atas Terma dan Syarat ini tidak boleh diterima.

- i. Bersetuju bahawa, dengan memberikan maklumat peribadi, Peserta yang Layak memberikan keizinan kepada RHB untuk memproses maklumat peribadi mereka bagi apa-apa dan/atau semua tujuan yang berikut ("**Tujuan**"), jika berkaitan:
  - i) Menguruskan pertandingan ini dan menghubungi Peserta yang Layak berkaitan dengan perkara yang sama;
  - ii) Jualan silang, pemasaran dan promosi produk dan/atau perkhidmatan RHB Banking Group dan rakan strategiknya; atau
  - iii) Tujuan perniagaan lain yang berkaitan dan sah;
- j. Bersetuju bahawa maklumat peribadi Peserta yang Layak boleh didedahkan kepada syarikat lain dalam RHB Banking Group (yang akan termasuk syarikat pemegang, anak syarikat, dan mana-mana syarikat berkaitan, termasuk mana-mana syarikat yang terhasil daripada apa-apa penstrukturan semula, penggabungan, jualan atau perolehan), penyedia perkhidmatan, dan vendor dan, mana-mana ejen mereka masing-masing, pembantu dan/atau orang sedemikian, sama ada berada di dalam atau di luar Malaysia untuk Tujuan tersebut, jika berkaitan, dengan sentiasa tertakluk pada apa-apa undang-undang (termasuk peraturan, piawaian, garis panduan dan/atau obligasi) yang terpakai kepada RHB.
- k. Bersetuju bahawa adalah perlu bagi RHB untuk memproses maklumat peribadi Peserta yang Layak untuk Tujuan tersebut, yang tanpanya, Peserta yang Layak tidak akan dapat menyertai Kempen ini. Peserta yang Layak boleh membuat pilihan mereka berkaitan dengan penerimaan bahan pemasaran (termasuk jualan silang, pemasaran dan promosi sebagaimana yang diuraikan di atas) dengan menghubungi kami menerusi Maklumat Perhubungan RHB sebagaimana yang diberikan dalam klausa 16(m) di bawah.
- l. Bersetuju gambar foto/imej Peserta yang Layak sebagai Pemenang boleh diambil dan boleh digunakan oleh RHB untuk penerbitan, jika berkaitan.
- m. Peserta yang Layak boleh memohon untuk dibetulkan (jika maklumat peribadi mereka adalah tidak tepat, tidak terkini, tidak lengkap dan sebagainya), mengakses (fi dan caj tidak akan dikenakan bagi cara akses melainkan bagi fi dan caj yang dinyatakan dalam terma dan syarat bagi Akaun-i Semasa RHB Premier dan/atau Akaun Pelaburan bagi Produk Pelaburan terpilih), atau membuang (jika Peserta yang Layak tidak lagi mempunyai apa-apa produk/perkhidmatan dengan RHB Banking Group) maklumat peribadi Peserta atau menghadkan pemrosesannya pada bila-bila masa kemudian dari ini, dengan menghantar permohonan sedemikian menerusi Maklumat Perhubungan RHB yang berikut.

Maklumat Perhubungan RHB

**E-mel:** [customer.service@rhbgroup.com](mailto:customer.service@rhbgroup.com)

**Nombor Telefon:** 03-92068118

**Nombor Faksimile:** 03-92068088

**Peti Masuk RHB Now:** <https://logon.rhb.com.my/>

17. RHB berhak untuk:

- a. Membatalkan mana-mana dan semua penyertaan daripada mana-mana Peserta yang Layak dalam Kempen ini dan melarang orang tersebut daripada menyertai Kempen ini selanjutnya sekiranya disyaki bahawa Peserta yang Layak tersebut membega atau mendapat keuntungan daripada pembegaan peraturan Kempen ini atau Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini;



- b. Membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang mencukupi terlebih dahulu. Apa-apa pembatalan, penamatan atau penggantung Kempen ini oleh RHB tidak akan memberikan hak kepada Peserta yang Layak untuk membuat apa-apa tuntutan atau menuntut pampasan terhadap RHB atas apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Peserta yang Layak disebabkan kesan langsung dan tidak langsung pembatalan, penamatan atau penggantung tersebut;
  - c. Mengubah Hadiah Kempen menurut budi bicara Bank kepada Hadiah Kempen lain yang sama nilainya sebagaimana menurut Terma dan Syarat Kempen ini;
  - d. Menambah, memotong, menggantung atau mengubah, mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung dalam dokumen ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya menurut budi bicara mutlak dengan cara memuat naik di laman sesawang RHB dan/atau cara komunikasi lain yang boleh dianggap sesuai oleh RHB dengan memberikan notis yang mencukupi terlebih dahulu;
18. RHB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang keingkaran yang berkaitan dengan Kempen ini disebabkan oleh bencana alam, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, tindakan perindustrian, atau tindakan penganas yang tidak berpunca dari perbuatan, tindakan, keingkaran, kecuaiian dan/atau salah laku RHB dan/atau mana-mana pekerja, wakil atau ejen RHB.”
19. Sekiranya terdapat perselisihan antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana risalah, bahan pemasaran atau promosi lain berkaitan dengan Kempen, Terma dan Syarat ini hendaklah mendahului.